

## Kesediaan Guru Pelatih Sebelum Menjalani Latihan Mengajar *The Readiness of the Trainee Teacher Prior to Teaching Practicum*

**Hanifah Mahat\*, Yazid Saleh dan Nasir Nayan**

Jabatan Geografi & Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

\*email: [hanifah.mahat@fsk.upsi.edu.my](mailto:hanifah.mahat@fsk.upsi.edu.my)

**Diterima:** 10 Mei 2024; **Disemak semula:** 06 Mei 2025 **Diterima:** 06 Mei 2025; **Diterbitkan:** 04 Julai 2025

**To cite this article (APA):** Mahat, H., Saleh, Y., & Nayan, N. (n.d.). Kesediaan guru pelatih sebelum menjalani latihan mengajar. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 17(2), 1-18. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol17.2.1.2025>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol17.2.1.2025>

### Abstrak

Setiap pelajar akhir tahun Universiti Pendidikan Sultan Idris akan melaksanakan latihan mengajar di sekolah-sekolah bagi memenuhi jam kredit. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesediaan guru pelatih terhadap aspek perancangan pengajaran, pengetahuan isi kandungan dan pedagogi, sikap dan pelaksanaan pengajaran guru pelatih. Kajian menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu melalui edaran soal selidik kepada 206 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Geografi, Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Sejarah dan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Analisis deskriptif (min, peratus), korelasi Pearson dan analisis regresi telah digunakan menganalisis dapatan kajian ini. Hasil kajian menunjukkan tahap kesediaan dalam aspek perancangan berada pada tahap tinggi ( $M=4.37$  dan  $SP=0.31$ ), begitu juga pengetahuan isi kandungan dan pedagogi ( $M=4.56$  dan  $SP=0.40$ ), sikap ( $M=4.35$  dan  $SP=0.45$ ) dan pelaksanaan ( $M=3.94$  dan  $SP=0.44$ ). Hasil analisis korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang kuat antara pemboleh ubah pengetahuan dengan sikap guru pelatih ( $r=0.908$ ,  $p<0.000$ ), begitu juga dengan perancangan dengan pengetahuan ( $r=0.592$ ,  $p<0.000$ ), perancangan dengan sikap ( $r=0.551$ ,  $p=0.000$ ). Analisis pengaruh regresi menunjukkan perancangan mempunyai pengaruh yang kuat dalam pelaksanaan latihan mengajar sebanyak 46 peratus dengan nilai  $R^2=0.466$ ,  $F=88.740$ , Sig  $F=.000$ ,  $p<0.05$ . Dapatan kajian menunjukkan keperluan latihan mengajar jelas dapat meningkatkan profesionalisme guru pelatih semasa menjalani latihan mengajar. Implikasi kajian membuktikan amalan pihak universiti dalam membekalkan ilmu di bilik kuliah dan sesi menjalani latihan mengajar sangat membantu guru pelatih sebelum mereka menjadi guru sebenar.

**Kata kunci:** perancangan, pengetahuan pedagogi, pengetahuan isi kandungan, sikap, pelaksanaan, pengajaran dan pembelajaran.

### Abstract

Every final-year student at Sultan Idris Education University is required to undergo teaching practice in schools to fulfill their credit hours. Therefore, this study aims to examine the readiness of trainee teachers in terms of lesson planning, content knowledge and pedagogy, attitude and teaching implementation. This study adopts a quantitative approach by distributing questionnaires to 206 students enrolled in the Bachelor of Education in Geography, Bachelor of Education in History, and Bachelor of Education in Islamic Studies programs at Sultan Idris Education University. Descriptive analysis (mean, percentage), Pearson correlation and regression analysis were used to analyze the findings. The results indicate that the level of readiness in lesson planning is high ( $M=4.37$ ,  $SD=0.31$ ), as well as content knowledge and pedagogy ( $M=4.56$ ,  $SD=0.40$ ), attitude ( $M=4.35$ ,  $SD=0.45$ ) and teaching implementation ( $M=3.94$ ,  $SD=0.44$ ). The Pearson correlation analysis shows a strong relationship between knowledge and trainee teachers' attitudes ( $r=0.908$ ,  $p<0.000$ ), as well as between planning and knowledge ( $r=0.592$ ,  $p<0.000$ ), and planning and attitude ( $r=0.551$ ,  $p=0.000$ ). The regression analysis indicates that lesson planning significantly influences teaching practice implementation, contributing 46% ( $R^2=0.466$ ,  $F=88.740$ , Sig  $F=.000$ ,  $p<0.05$ ). The findings highlight the importance of teaching practice in

*enhancing the professionalism of trainee teachers during their practicum. The study's implications prove that university practices, such as providing theoretical knowledge in lectures and practical teaching sessions, significantly aid trainee teachers before they become full-fledged educators.*

**Keywords:** *planning, content knowledge, pedagogical expertise, attitude, implementation, teaching and learning.*

## PENGENALAN

Institusi pendidikan di Malaysia dan rangkuman kursus yang ditawarkan akan mengikut peredaran masa dengan penawaran pelbagai kursus mengikut keperluan pada zaman berkaitan. Adalah amat penting penawaran kursus di universiti selari dengan keperluan pendidikan di sekolah. Ini kerana ilmu yang disampaikan oleh guru hasil perolehan di pusat pengajian akan membantu negara sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di rantau Asia dan di peringkat antarabangsa pada abad ke-21 dengan menjadikan pendidikan memperolehi status '*World Class Education*'. Pendidikan bertaraf dunia ini menunjukkan perkembangan dan kemajuan pesat khususnya dari segi kualiti, kuantiti, pencapaian dan standard yang diterima pada peringkat antarabangsa. Pendidikan bertaraf dunia merupakan satu komitmen dan usaha Kementerian Pendidikan bagi memperbaiki kualiti pendidikan negara supaya pendidikan di Malaysia dapat bersaing dengan negara maju yang lain (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Hal yang demikian berkait rapat dengan terlatihnya seseorang guru. Penulisan Hanifah et al. (2022) menjelaskan bahawa guru pelatih (GP) memegang peranan penting dan strategik dalam pendidikan sebelum menamatkan pengajian dan bergelar guru sebenar di sekolah. Guru pelatih merupakan agen perubahan sosial yang mengubah pola berfikir, sikap dan perilaku masyarakat menuju kehidupan yang lebih baik, lebih bermaruah dan lebih berdikari. Latihan mengajar yang diwajibkan kepada guru pelatih merupakan satu latihan yang memberi peluang kepada guru pelatih untuk memperoleh pengalaman dan mempraktikkan pengetahuan yang dipelajari pada situasi sekolah yang sebenar (Hanifah et al. 2022; Norziana, 2009).

Kualiti pengajaran dapat ditingkatkan sekiranya bakal guru ini menerima struktur pendedahan yang lengkap sebagai seorang pendidik. Persediaan dalam konteks ilmu, kemahiran dan sahsiah perlu diberi penekanan. Program pendidikan untuk meningkatkan perkembangan kecekapan guru sewaktu pengajaran dan pembelajaran harus diikuti dengan sistematik (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Program latihan mengajar di sekolah sangat relevan bagi mahasiswa yang mengambil kursus pendidikan. Sebelum melayakkan seseorang untuk bergelar pendidik, mahasiswa wajib menjalani latihan mengajar terlebih dahulu. Asas kepada karektor guru yang berjaya adalah penguasaan pengetahuan ilmu pedagogi, kepimpinan, kaunseling dan tingkah laku murid yang diperolehi daripada teori, model yang dikutip di bilik kuliah dan pengalaman sewaktu mengajar ((Mariam & Zanariah, 2015; Ronen, 2022). Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji kesediaan guru pelatih (GP) sebelum menjalani latihan mengajar dalam aspek perancangan, pengetahuan (pedagogi dan isi kandungan), sikap dan pelaksanaan dalam PdPc dalam membentuk profesionalisme keguruan. Persoalan kajian ini terbahagi kepada tiga iaitu (i) Apakah tahap perancangan, pengetahuan, sikap dan pelaksanaan dalam PdPc guru pelatih FSK sebelum menjalani latihan mengajar, (ii) Adakah terdapat hubungan antara perancangan, pengetahuan, sikap dan pelaksanaan dalam PdPc guru pelatih FSK sebelum menjalani latihan mengajar dan (iii) Sejauhmanakah pengaruh antara perancangan, pengetahuan, sikap dan pelaksana dalam PdPc guru FSK sebelum menjalani latihan mengajar dan (iv) sejauhmana wujudnya keterhubungan antara pemboleh ubah perancangan, pengetahuan, sikap dan pelaksanaan dalam PdPc GP FSK sebelum menjalani latihan mengajar?".

Hipotesis kajian menggunakan analisis data yang melibatkan inferensi iaitu kolerasi untuk mengukur hubungan dan regresi untuk mengukur pengaruh pemboleh ubah tidak bersandar (perancangan, pengetahuan pedagogi dan isi kandungan subjek serta sikap guru pelatih sebelum menjalani latihan mengajar) dan pemboleh ubah bersandar (pelaksanaan latihan mengajar dalam kalangan guru pelatih).

### Hipotesis bagi Objektif Kajian 2:

- H<sub>0(1)</sub>: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara perancangan dengan pelaksanaan dalam PdPc guru pelatih sebelum menjalani latihan mengajar.
- H<sub>0(2)</sub>: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan pedagogi dengan pelaksanaan dalam PdPc guru pelatih sebelum menjalani latihan mengajar.
- H<sub>0(3)</sub>: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan isi kandungan dengan pelaksanaan dalam PdPc guru pelatih sebelum menjalani latihan mengajar.
- H<sub>0(4)</sub>: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan pelaksanaan dalam PdPc guru pelatih sebelum menjalani latihan mengajar.

### Hipotesis bagi Objektif Kajian 3:

- H<sub>0(5)</sub>: Tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara perancangan dengan pelaksanaan dalam PdPc guru pelatih sebelum menjalani latihan mengajar.
- H<sub>0(6)</sub>: Tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara pengetahuan pedagogi dengan pelaksanaan dalam PdPc guru pelatih sebelum menjalani latihan mengajar.
- H<sub>0(7)</sub>: Tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara pengetahuan isi kandungan dengan pelaksanaan dalam PdPc guru pelatih sebelum menjalani latihan mengajar.
- H<sub>0(8)</sub>: Tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara sikap dengan pelaksanaan dalam PdPc guru pelatih sebelum menjalani latihan mengajar.

## **KAJIAN LITERATUR**

### **Pelaksanaan Latihan Mengajar**

Sebelum guru pelatih menjalani latihan mengajar, guru pelatih perlu menjalani dua kali Program Perantis Guru (PPG). PPG atau lebih dikenal sebagai Rancangan Orientasi Sekolah (ROS) oleh institusi pengajian lain merupakan pendedahan awal guru pelatih kepada alam persekolahan dari perspektif seorang guru. Program ini bertujuan memberi peluang kepada guru pelatih memahami sekolah sebagai sebuah institusi pendidikan dan peranan guru dalam bilik darjah. Melalui pemerhatian, refleksi dan interaksi dengan guru dan komuniti sekolah, guru pelatih dapat memahami tingkah laku murid, pengurusan sekolah dan pengurusan bilik darjah untuk menyepadukan teori dan amalan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran.

Latihan mengajar telah diterima warga pendidik dan merupakan perkara yang penting dalam program perguruan (Nur Hidayah et al., 2021). Hal ini merupakan satu siri pengalaman yang sistematik berasaskan sekolah dan berperanan untuk membantu guru pelatih menjadi guru yang profesional dan bersepadu. Semasa latihan mengajar, guru pelatih ditempatkan di sekolah untuk mempraktikkan teori-teori dan kemahiran mengajar yang diperoleh sepanjang kursus di universiti. Segala pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi sewaktu latihan mengajar memberi kesan yang mendalam dan menjadi ingatan kepada guru pelatih (Gilewski, 2016; Sapie et al., 2021). Kajian Hanifah et al. (2022) menunjukkan kesediaan guru pelatih semasa PdPc bergantung kepada pengetahuan berkaitan mata pelajaran yang diajar, kemahiran untuk mengajar subjeknya dan sikap yang perlu dimiliki oleh guru pelatih dalam kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis.

Seni pengajaran tidak hanya melibatkan pemindahan mudah aspek pengetahuan dari satu individu kepada satu individu yang lain. Ia merupakan satu proses yang kompleks yang memudahkan dan mempengaruhi proses pembelajaran. Peranan guru pelatih amatlah besar, bukan sahaja mencorakkan masa depan pelajar-pelajarnya bahkan menjadi '*role model*' kepada para pelajar. Tanggungjawab guru pelatih amat besar dalam mendidik anak bangsa untuk berjaya dalam semua bidang mata pelajaran. Setiap individu yang bergelar guru pelatih mestilah mempunyai kualiti seperti berilmu, berpengetahuan, berfikiran terbuka, berdisiplin dan berperikemanusiaan apabila menghadapi sesuatu cabaran.

Program latihan mengajar di sekolah sangat relevan bagi mahasiswa yang mengambil kursus pendidikan. Sebelum melayakkan seseorang untuk menjadi pendidik, mahasiswa wajib menjalani latihan mengajar terlebih dahulu. Seorang guru yang cemerlang perlu mempunyai kebolehan dari segi menguasai pengetahuan teori pembelajaran dan tingkah laku manusia (Hanifah et al., 2022). Guru juga boleh menunjukkan sikap yang dapat menarik minat pelajar dan menggalakkan Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) selain daripada menguasai isi kandungan mata pelajaran serta pengetahuan sedia ada. Tanggungjawab guru amat besar dalam mendidik anak bangsa untuk berjaya dalam semua bidang mata pelajaran. Peranan seseorang guru bukan sahaja untuk mendidik pelajar dalam mata pelajaran yang diajar malah guru adalah pakar dalam bidang pengajaran serta dapat berkomunikasi dengan pelajar-pelajar berkaitan dengan semua mata pelajaran. Oleh itu, sebelum menjadi seorang guru yang profesional, guru tersebut perlu dilatih terlebih dahulu yang dikenali sebagai 'Program Latihan Mengajar'. Program latihan mengajar diadakan bertujuan melatih guru supaya lebih bersedia untuk menempuhi alam pekerjaan sebagai seorang guru.

Guru pelatih akan diberikan pendedahan dalam persediaan mengajar yang terdiri daripada menentukan objektif dan mengadakan perancangan tertentu sebelum memulakan sesi PdPc (Coombs, 2009). Kenyataan ini juga disokong oleh Rianti dan Mustika, (2023) dengan menyatakan bahawa guru pelatih bertindak sebagai pendidik, pengajar, pembimbing, pengelola dan perancang di sekolah. Oleh itu, guru hendaklah mempelbagaikan aktiviti penilaian sama ada secara formatif atau sumatif. Selepas menamatkan pengajaran, guru hendaklah melakukan refleksi dan penilaian untuk melihat semula kelemahan pengajaran, masa dan usaha yang telah dilakukan secara tersusun agar dapat meningkatkan kualiti pengajaran pada masa akan datang. Sememangnya terlalu banyak perkara yang perlu diberi perhatian oleh guru pelatih ketika menjalani sesi latihan mengajar di sekolah (Kamarudin et al. 2014). Guru pelatih dikenali juga sebagai guru baru yang terlatih dan dalam tempoh percubaan dalam dunia pendidikan. Dalam keadaan yang masih baru dengan profesion perguruan dan komuniti sekolah, guru pelatih dikelilingi dengan persekitaran serta tanggungjawab pengajaran yang serupa dihadapi oleh guru yang berpengalaman iaitu memerlukan aplikasi pelbagai pengetahuan dan kemahiran pedagogi (Hanifah et al. 2023).

### **Kesediaan Guru Pelatih dalam Aspek Perancangan, Pengetahuan, Sikap dan Pelaksanaan dalam PdPc Sebelum Menjalani Latihan Mengajar.**

Perancangan ialah memenuhi keperluan semasa dan untuk memberi gambaran yang jelas kepada sesuatu perkara. Perancangan berkait rapat dengan masalah sesuatu tempat pada satu jangka masa tertentu. Ia berfungsi sebagai satu cara bagi menyelesaikan masalah dan merupakan cara-cara untuk merancang sesuatu dengan baik. Secara umumnya perancangan adalah merupakan satu proses yang berterusan yang bukan hanya terlibat dengan penyediaan pelan tetapi juga merumuskan cara-cara dan peringkat-peringkat ke arah penyelesaian masalah. Dengan kata lain perancangan adalah menentukan apa yang perlu dibuat pada satu masa oleh seseorang dan ini melibatkan beberapa peringkat kerja (Siska & Henriadi, 2018). Dalam kajian ini, perancangan merujuk pada perancangan guru pelatih sebelum menjalani latihan mengajar. Kajian Ardiyansah (2021) menegaskan guru pelatih mestilah membuat perancangan awal dari aspek penyediaan, bahan bantu mengajar dan pengetahuan untuk melancarkan proses PdPc. Ini akan membantu meningkatkan keyakinan diri dan melancarkan proses PdPc dalam kalangan guru pelatih.

Perbincangan Dewi (2010) pengetahuan merujuk kepada kefahaman manusia terhadap sesuatu perkara yang mana merupakan kefahaman yang sistematik dan diusahakan secara sadar. Pengetahuan merupakan pemahaman bermakna atau sesuatu yang memberikan makna kepada individu apabila datangnya sesuatu sumber maklumat. Pengetahuan untuk dijadikan pedoman dan panduan yang boleh digunakan bagi meneruskan kehidupan manusia. Dalam kajian ini, guru mestilah mempunyai pengetahuan pedagogi dan isi kandungan PdPc. Perbincangan Assadi dan Kashkosh (2022) mengatakan untuk menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran berteraskan koperatif, guru perlu mempunyai ilmu pengetahuan yang secukupnya. Penguasaan guru dalam aspek pengajaran merangkumi kaedah, teknik, kawalan kelas dan tumpuan murid termasuk kepimpinan pentadbiran (Amirul Fahmi et al., 2024).

Sikap merujuk kepada emosi mengikut keadaan yang ditunjukkan oleh individu berdasarkan perasaannya yang suka, gembira, sedih atau tidak berpuashati. Seringkali sikap dipengaruhi oleh suasana yang dilaminya. Suasana ini dirujuk sebagai persekitaran yang mempengaruhi sikap agar lebih positif dengan apa yang diterimanya (Triwijayati & Koesworo, 2006). Dalam kajian ini sikap merujuk pada sikap guru yang merupakan orang yang penting dalam pembentukan diri seseorang pelajar dan pelajar merupakan pemimpin masa hadapan. Maka, guru perlu menerapkan ciri-ciri murni dalam diri untuk memikul tugas yang mulia ini (Hassan, 2012). Hasil perbincangan Noraini (2010) menjelaskan ciri-ciri murni peribadi yang harus diterapkan dalam diri seseorang guru boleh dibahagikan kepada tiga aspek iaitu sifat peribadi, tingkah laku dan contoh teladan serta sifat kualiti profesional.

Pelaksanaan merujuk kepada perbuatan atau hal yang diusahakan atau dijalankan. Hal ini merujuk juga kepada proses membina dan menjayakan sistem yang dirancang bagi memenuhi sesuatu permintaan terhadap pasaran (Dewi, 2010). Menurut Salamuddin (2000) pelaksanaan adalah suatu tindakan atau aplikasi yang memerlukan aktiviti yang dapat disesuaikan. Pelaksanaan juga bermaksud penggunaan konsep, teori dan interaksi dalam situasi yang konkrit, mempraktikkan atau secara amali, melaksanakan atau menggunakan pada amalan teori. Dalam kajian ini, pelaksanaan merujuk kepada melaksanakan latihan mengajar dalam kalangan guru pelatih. Penulisan Nurzarina dan Roslinda (2017) mengatakan bakal-bakal guru mestilah mengikuti latihan mengajar di sekolah-sekolah. Hal ini bertujuan untuk melatih guru pada peringkat awal dan memberi pendedahan tentang situasi sebenar dan mengukur keberkesanan pedagogi yang digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam kelas (Ab Halim et al., 2021).

Kajian daripada Ahmad dan Mashitoh (2021) membincangkan tahap kesediaan guru pelatih mempunyai tahap kesediaan, kemahiran dan sikap yang tinggi terhadap pemikiran komputasional namun tahap kesediaan berada pada tahap sederhana. Selain itu, kajian daripada Nurwaina dan Roslina (2025) menunjukkan tahap kefahaman dan kkesediaan guru pelatih di Institut Pendidikan Guru Kampus Perempuan Melayu Melaka berada pada tahap yang tinggi. Dalam kajian Derbala dan Ruhizan (2022) pula menunjukkan tahap minat dan kesediaan guru pelatih adalah tinggi terhadap pengajaran berbeza. Manakala kajian yang dilaksanakan oleh Kamarulnizam dan Nur (2024) menunjukkan bahawa kesedaran guru pelatih Fakulti Pendidikan Universiti Islam Selangor terhadap penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) adalah berada pada tahap sederhana dan perlu meningkatkan pelaksanaan dan kekerapan penggunaan BBM semasa kelas PdP dilaksanakan di dalam kelas. Dalam pada masa yang sama, kajian daripada Rowen et al., (2021) yang mengkaji tahap kesediaan guru pelatih Matematik UPSI dari segi pengetahuan, kemahiran, sikap dan motivasi dalam melaksanakan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) menunjukkan hubungan yang sederhana. Namun sikap dan motivasi guru pelatih adalah signifikan dalam melaksanakan PAK-21. Kajian yang dilaksanakan oleh Syafiq et al., (2024) untuk mengenal pasti tahap kesediaan mengajar dari aspek pengetahuan dan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) serta pengaplikasian PAK-21 dalam kalangan guru pelatih menunjukkan hubungan yang signifikan. Hubungan positif yang signifikan antara subkonstruk dan kajian ini menunjukkan kepentingan penerapan PAK21 dan kemahiran TMK dalam meningkatkan kecekapan dan keberkesanan proses pembelajaran di peringkat sekolah.

## METODOLOGI

Reka bentuk kajian adalah berbentuk kuantitatif. Soal selidik telah digunakan dalam kajian ini. Pemilihan kaedah tinjauan ini membolehkan data kuantitatif dikutip secara langsung melalui soal selidik secara bersemuka untuk mengkaji kesediaan guru pelatih sebelum menjalani latihan mengajar dalam kalangan pelajar FSK. Kajian ini berfokus kepada kesediaan guru pelatih yang melibatkan pemboleh ubah perancangan, pengetahuan, sikap dan pelaksanaan dalam PdPc guru pelatih Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK) sebelum menjalani latihan mengajar. Artikel ini akan meneliti tahap setiap pemboleh ubah, hubungan setiap pemboleh ubah dan akhir sekali, pengaruh antara perancangan, pengetahuan, sikap terhadap pelaksanaan dalam PdPc guru pelatih Fakulti Sains Kemanusiaan sebelum latihan mengajar.

Populasi kajian ialah pelajar semester tujuh daripada program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) di Fakulti Sains Kemanusiaan yang terdiri daripada 81 orang pelajar dari ISMP Sejarah, 59 orang pelajar ISMP Pendidikan Islam dan 121 orang pelajar dari ISMP Geografi. Jumlah populasi adalah seramai 261 orang. Mengikut Krejcie dan Morgan (1970) saiz sampel ditentukan mengikut populasi. Hal ini disokong oleh Cohen et al., (2001) yang menyatakan sampel dapat ditentukan daripada sejumlah populasi. Justeru bilangan sampel kajian mengikut Krejcie & Morgan (1970) adalah seramai 205 orang. Persampelan yang digunakan adalah Persampelan Berstrata yang mengambil sampel mengikut program iaitu 92 orang responden dari kursus ISMP Geografi, 48 orang responden daripada ISMP Sejarah dan 66 orang responden daripada ISMP Pendidikan Islam.

Kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan soal selidik. Maklumat item setiap bahagian dijelaskan dalam Jadual 1. Skala Likert (*Likert Scale*) yang terdiri daripada skor 1 hingga 5 telah digunakan. Bahagian B, skala likert 1 mewakili sangat tidak setuju, 2 mewakili tidak setuju, 3 mewakili kurang setuju, 4 mewakili setuju dan 5 mewakili sangat setuju. Manakala, bahagian C iaitu pengetahuan dalam pedagogi menggunakan skala likert 1 hingga 5 yang menunjukkan 1 mewakili sangat tidak mengetahui, 2 mewakili tidak mengetahui, 3 mewakili kurang mengetahui, 4 mewakili mengetahui dan 5 mewakili sangat mengetahui. Skala likert bertujuan untuk mengukur tahap persetujuan responden ke atas kajian yang dikaji. Maklumat item soal selidik setiap bahagian boleh dirujuk pada Jadual 1. Analisis kebolehpercayaan menggunakan alpha cronbach item bagi setiap pemboleh ubah adalah baik iaitu nilai 0.767 hingga 0.915 (Hair et al., 2003). Analisis yang dilakukan bahagian D dan E pula menggunakan analisis kolerasi iaitu nilai r yang kuat adalah 0.50 hingga 1.0 (Pallant., 2020).

**Jadual 1** Maklumat Item Soal Selidik

| Bahagian | Pemboleh Ubah                                                | Bil. Soalan | Sumber                                                  |
|----------|--------------------------------------------------------------|-------------|---------------------------------------------------------|
| A        | Demografi Responden.                                         | 5           | Dibina sendiri.                                         |
| B        | Perancangan guru pelatih sebelum menjalani latihan mengajar. | 10          | Dibina sendiri                                          |
| C        | Pengetahuan guru pelatih dalam PdPc.                         | 25          | dipetik dan diubahsuai daripada Suah et al., (2010)     |
|          | Pengetahuan guru pelatih dalam pedagogi PdPc.                | 1-3         | Dibina sendiri                                          |
|          |                                                              | 4-10        | dipetik diubahsuai daripada Azizi et al., (2010).       |
|          |                                                              | 11-15       | dipetik dan diubahsuai daripada Yazid (2005)            |
|          | Pengetahuan guru pelatih dalam isi kandungan subjek.         | 1-5         | dipetik dan diubahsuai daripada Yee et al (2010)        |
|          |                                                              | 6-10        | dipetik dan diubahsuai daripada Supramani (2006)        |
|          |                                                              | 10          | dipetik dan diubahsuai Meor Ibrahim dan Norziana (2008) |
| D        | Sikap guru pelatih sebelum menjalani latihan mengajar.       | 10          |                                                         |
| E        | Pelaksanaan PdPc latihan mengajar.                           | 1-5         | dipetik dan diubahsuai daripada Mizell (2010)           |
|          |                                                              | 6-10        | dipetik dan diubahsuai Halimah (2004)                   |

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Analisis dari segi demografi responden (Jadual 2) menunjukkan negeri responden menjalani latihan mengajar, terdapat tiga negeri yang terlibat dalam kajian ini iaitu Selangor, Negeri Sembilan dan Perak yang melibatkan tiga kursus Fakulti Sains Kemanusiaan. Negeri Selangor menunjukkan 91 orang responden (44%) yang menjalani latihan mengajar di negeri tersebut. Bagi Negeri Sembilan, jumlah responden yang menjalani latihan mengajar di negeri tersebut ialah seramai 67 orang responden (33%). Manakala, bagi negeri Perak seramai 48 orang responden (23%) yang menjalani latihan mengajar di negeri tersebut. Ini menunjukkan negeri yang paling ramai menjalankan latihan mengajar ialah di Negeri Selangor.

Bilangan responden mengikut jantina menunjukkan responden perempuan seramai 125 orang (61%) dan responden lelaki seramai 81 orang (39%). Program yang diambil oleh responden semasa menjalankan latihan mengajar. Program yang terlibat dalam kajian ini melibatkan tiga kursus iaitu ISMP Geografi, ISMP Sejarah dan ISMP Pendidikan Islam. Program yang diambil oleh responden semasa menjalankan latihan mengajar yang paling tinggi ditunjukkan oleh ISMP Geografi iaitu seramai 94 orang responden (46%) dan diikuti dengan program ISMP Pendidikan Islam iaitu seramai 68 orang responden (33%). Manakala, program yang paling sedikit ditunjukkan oleh ISMP Sejarah iaitu seramai 44 orang responden (21%).

**Jadual 2** Analisis Profil Responden

| Demografi Responden     |                       | Kekerapan | Peratusan (%) |
|-------------------------|-----------------------|-----------|---------------|
| Negeri Latihan Mengajar | Selangor              | 91        | 44.2          |
|                         | Perak                 | 48        | 23.3          |
|                         | Negeri Sembilan       | 67        | 33            |
|                         | Jumlah                | 206       | 100           |
| Jantina Responden       | Lelaki                | 81        | 39.3          |
|                         | Perempuan             | 125       | 61            |
|                         | Jumlah                | 206       | 100           |
|                         | ISMP Geografi         | 94        | 46            |
| Program Responden       | ISMP Sejarah          | 44        | 21.4          |
|                         | ISMP Pendidikan Islam | 68        | 33            |
|                         | <b>Jumlah</b>         | 206       | 100           |

### Tahap Perancangan, Pengetahuan, Sikap dan Pelaksanaan dalam PdPc Guru Pelatih sebelum Menjalani Latihan Mengajar.

Analisis seterusnya untuk meneliti tahap bagi pemboleh ubah perancangan, pengetahuan, sikap dan pelaksanaan dalam PdPc guru pelatih (GP) sebelum menjalani latihan mengajar. Analisis keputusan bagi tahap perancangan GP sebelum menjalani latihan mengajar berada pada tahap yang tinggi iaitu ( $M=4.37$ ,  $SP=0.31$ ). Bagi tahap perancangan hanya seorang responden (0.5%) mewakili tahap sederhana manakala seramai 205 orang (99.5%) yang mewakili tahap tinggi. Oleh itu, secara puratanya tahap perancangan GP sebelum menjalani latihan mengajar berada pada tahap tinggi dan memuaskan.

Selanjutnya, analisis bagi tahap pengetahuan GP sebelum menjalani latihan mengajar. Tahap pengetahuan GP dibahagikan kepada (i) pengetahuan dalam pedagogi (ii) pengetahuan isi kandungan ketika melaksanakan proses PdPc. Oleh itu, analisis tahap pengetahuan GP menunjukkan ( $M=4.56$ ,  $SP=0.40$ ). Bagi tahap pengetahuan seramai lapan responden (3.9%) mewakili tahap sederhana manakala bagi tahap tinggi pula seramai 198 responden (96.1%). Purata keputusan bagi tahap pengetahuan berada pada tahap tinggi. Tahap pengetahuan pedagogi menunjukkan ( $M=4.33$ ,  $SP=0.44$ ). Seramai 15 responden (7.3%) mewakili tahap sederhana manakala seramai 191 responden (92.7%) mewakili tahap tinggi. Bagi tahap pengetahuan dalam isi kandungan guru pelatih pula, seramai tujuh responden (3.4%) yang mewakili tahap sederhana manakala seramai 199 responden (4.40%) mewakili tahap tinggi. Purata keputusan bagi tahap pengetahuan pedagogi dan isi kandungan guru pelatih sebelum menjalani latihan

mengajar berada pada tahap yang tinggi.


Seterusnya, bagi pemboleh ubah sikap GP sebelum menjalani latihan mengajar berada pada tahap yang tinggi ( $M=4.35$   $SP=0.45$ ). Pemboleh ubah sikap berada pada tahap yang tinggi. Seramai sembilan responden (4.4%) mewakili tahap sederhana manakala seramai 197 responden (95.6%) mewakili tahap tinggi. Purata bagi pemboleh ubah sikap berada pada tahap yang tinggi. Akhir sekali, pemboleh ubah pelaksanaan GP dalam menjalani latihan mengajar berada pada tahap yang tinggi dengan nilai skor ( $M=3.94$ ,  $SP=0.44$ ). Seramai 54 responden (26.2%) mewakili tahap sederhana manakala seramai 152 orang responden (73.8%) mewakili tahap tinggi. Purata analisis bagi tahap pelaksanaan berada pada tahap yang tinggi.

**Jadual 3** Tahap Perancangan, Pengetahuan, Sikap Dan Pelaksanaan PdPc Guru Pelatih Sebelum Menjalani Latihan Mengajar

| Pemboleh Ubah Kajian | Tahap Rendah |     | Tahap Sederhana |      | Tahap Tinggi |      | Min  | SP   | Tahap Purata |
|----------------------|--------------|-----|-----------------|------|--------------|------|------|------|--------------|
|                      | N            | %   | N               | %    | N            | %    |      |      |              |
| Perancangan          | 0            | 0.0 | 1               | 0.5  | 205          | 99.5 | 4.37 | 0.31 | Tinggi       |
| Pengetahuan          | 0            | 0.0 | 8               | 3.9  | 198          | 96.1 | 4.56 | 0.40 | Tinggi       |
| • Pedagogi           | 0            | 0.0 | 15              | 7.3  | 191          | 92.7 | 4.33 | 0.44 | Tingii       |
| • Isi Kandungan      | 0            | 0.0 | 7               | 3.4  | 199          | 96.6 | 4.40 | 0.42 | Tinggi       |
| Sikap                | 0            | 0.0 | 9               | 4.4  | 197          | 95.6 | 4.35 | 0.45 | Tinggi       |
| Pelaksanaan          | 0            | 0.0 | 54              | 26.2 | 152          | 73.8 | 3.94 | 0.44 | Tinggi       |

### Analisis Deskriptif Perancangan Guru Pelatih sebelum Menjalani Latihan Mengajar


Perbincangan seterusnya adalah analisis deskriptif yang melibatkan min, sisihan piawai, bilangan dan peratusan bagi item setiap pemboleh ubah. Bagi pemboleh ubah perancangan, kajian menunjukkan skor paling tinggi ialah “Penulisan standard pembelajaran dengan tepat” (Item 4) dengan nilai min=4.53 dan sisihan piawai=0.53. Skala penilaian kurang setuju bagi item ini ialah seramai tiga responden (1.5%), manakala seramai 91 orang responden (44.2%) bersetuju dan seramai 112 responden (54.4%) sangat bersetuju dengan mengatakan penetapan objektif pembelajaran sesuai dengan peruntukan masa. Item yang mempunyai min sederhana ditunjukkan pada Item 5 “Kemampuan pencapaian objektif pembelajaran pada akhir sesi PdPc”. Seramai 88 responden (42.7%) bersetuju dan seramai 100 responden (48.5%) sangat bersetuju. Manakala, seramai 76 responden (36.9%) setuju dan seramai 99 responden (48.1%) sangat setuju dengan item ini. Item yang paling rendah ditunjukkan pada “Penggunaan pelbagai pentaksiran yang sesuai semasa PdPc (Item 10)” menunjukkan nilai skor min=4.07 dan sisihan Piawai=0.64. Skala penilaian kurang setuju ialah (17%) dengan 35 orang responden. Skala penilaian bagi setuju ialah (59.2%) dengan 122 orang responden manakala seramai 49 orang responden (23.8%) sangat setuju. Secara jelas skala setiap item di Rajah 1.



**Rajah 1** Perancangan guru pelatih sebelum menjalani latihan mengajar

### Analisis Deskriptif Pengetahuan Pedagogi Guru Pelatih sebelum Menjalani Latihan Mengajar.


Analisis deskriptif bagi pemboleh ubah Pengetahuan Pedagogi guru pelatih (Rajah 2) menunjukkan tiga item paling tinggi iaitu item “Penggunaan makro pengajaran (Item 1), Refleksi diakhir PdPc dilakukan (15), Pembelajaran secara koperatif diterapkan dalam kelas (Item 5)”. Bagi item “Penggunaan makro pengajaran” mempunyai nilai skor Min=4.53. Skala penilaian bagi kurang mengetahui ialah (0.5%) dengan seorang responden, bagi skala penilaian mengetahui ialah seramai 95 orang responden (46.1%). Manakala, skala penilaian bagi sangat mengetahui ialah seramai 110 orang responden (53.4%) bagi item ini. Item yang rendah nilai min dicatatkan adalah item “Komunikasi sehala digunakan semasa proses PdPc (Item 12)” yang mempunyai nilai skor Min=3.78, dan Sisihan Piawai=1.17. Seramai lapan orang (3.9%) sangat tidak mengetahui, 30 orang responden (14.6%) tidak mengetahui, 29 orang (14.1%) kurang mengetahui, 71 orang (34.5%) mengetahui dan seramai 68 orang (33%) sangat mengetahui bagi item ini.



**Rajah 2** Pengetahuan pedagogi guru pelatih sebelum menjalani latihan mengajar

### Analisis Deskriptif Pengetahuan Isi Kandungan PdPc Guru Pelatih sebelum Menjalani Latihan Mengajar


Analisis deskriptif pemboleh ubah pengetahuan isi kandungan PdPc GP (Rajah 3) bagi item-item yang tertinggi adalah item 1 iaitu “Buku teks digunakan sebagai rujukan utama semasa proses PdPc”. Nilai skor min ialah min=4.38 dan sisihan piawai=0.81. Skala penilaian tidak setuju iaitu tiga responden (1.5%), skala kurang setuju ialah seramai 34 responden (16.5%). Seterusnya, skala penilaian setuju ialah seramai 51 responden (24.8%). Manakala, skala sangat setuju ialah seramai 118 responden (57.3%) bagi item ini. Item yang kedua ialah “Bahan rujukan lain digunakan semasa proses PdPc” menunjukkan nilai skor min=4.53 dan sisihan piawai=0.55. Seramai lima responden (2.4%) kurang setuju dengan item ini. Sebaliknya, seramai 86 responden (41.7%) yang bersetuju dan seramai 115 orang responden (55.8%) sangat setuju dengan item ini. Item yang ketiga ialah bahan di “Internet sebagai bahan tambahan semasa proses PdPc”. Nilai skor min ialah 4.49 dan sisihan piawai=0.51. Skala penilaian kurang setuju ialah sebanyak (0.5%) dengan seorang responden. Manakala, bagi skala penilaian setuju ialah sebanyak (50%) dengan 103 responden dan skala sangat setuju ialah sebanyak (49.5%) dengan 102 responden untuk item ini.



**Rajah 3** Pengetahuan Isi Kandungan PdPc Guru Pelatih sebelum Menjalani Latihan Mengajar.

### Analisis Deskriptif Sikap Guru Pelatih sebelum Menjalani Latihan Mengajar.


Analisis deskriptif bagi pemboleh ubah sikap (Rajah 4) menunjukkan item yang tinggi ialah Item 1, “Saya akan bersedia dalam aspek mental” yang mempunyai nilai min=4.47 dan sisihan piawai=0.62). Skala penilaian bagi kurang setuju ialah seramai 14 responden (6.8%), setuju 82 responden (39.8%) dan 110 responden (53.4%) bagi item ini. Item seterusnya ialah Item 2 “Saya akan bersedia dalam aspek fizikal” yang mempunyai nilai skor min =4.47 dan sisihan piawai =0.58. Seramai 14 responden (6.8%) yang kurang bersetuju dengan item ini. Bagi skala penilaian setuju ialah seramai 82 responden (39.8%). Bagi item skor min sederhana ialah Item 4, “Saya mempunyai semangat pendidik yang tinggi dalam diri” menunjukkan nilai skor min=3.10 dan sisihan piawai=1.39). Skala penilaian sangat tidak setuju seramai 33 responden (16%), tidak setuju seramai 46 responden (22.3%), kurang setuju seramai 38 responden (18.4%), setuju seramai 46 orang responden (22.3%) dan seramai 43 orang responden (20.9%) sangat setuju dengan item ini. Bagi item skor min yang rendah ialah Item 7 iaitu “Saya kurang memberikan kerjasama dengan pihak sekolah” menunjukkan nilai skor min=2.40 dan sisihan piawai=1.55). Skala penilaian sangat tidak setuju seramai 87 responden (42.4%), tidak setuju seramai 48 responden (23.3%), kurang setuju seramai 7 responden (3.4%), setuju seramai 29 responden (14.1%) dan sangat setuju seramai 35 responden (17%).



**Rajah 4** Deskriptif sikap guru pelatih sebelum menjalani latihan mengajar

#### Analisis Deskriptif Pelaksanaan PdPc Latihan Mengajar.

Akhir sekali analisis deskriptif bagi pemboleh ubah pelaksanaan PdPc Latihan Mengajar (Rajah 5) menunjukkan Skor min yang paling tinggi ditunjukkan pada item 7 iaitu “Penggunaan laras bahasa yang sesuai” menunjukkan min=4.48 dan sisihan piawai=0.52. Skala penilaian kurang setuju seramai dua responden (1%), seramai 103 responden (50%) bersetuju manakala seramai 101 orang responden (49%) bagi item ini. Diikuti dengan item kedua tertinggi iaitu Item 3 iaitu “Penggunaan teknik soal jawab semasa proses PdPc” menunjukkan nilai skor min=4.45 dan sisihan piawai=0.53. Skala penilaian kurang setuju sebanyak (1.5%) tiga responden, setuju sebanyak (51.9%) 107 responden dan seramai 96 orang responden (46.6%) sangat setuju dengan item ini. Item yang rendah ditunjukkan item 4 iaitu “Pengurusan bilik darjah yang tidak kondusif” menunjukkan nilai min=2.30 dan sisihan piawai=1.44. Bagi skala penilaian setuju ialah seramai 38 responden (18.4%) dan sangat setuju seramai 45 orang responden (21.8%) bagi item ini. Skala penilaian sangat tidak setuju seramai 89 responden (43.2%), tidak setuju seramai 45 responden (21.8%), kurang setuju seramai 16 responden (7.8%), setuju seramai 33 responden (16%) dan akhir sekali seramai 23 responden (11.2%) sangat setuju dengan item ini.



Rajah 5 Pelaksanaan PdPc Latihan Mengajar

### Analisis Hubungan antara Perancangan, Pengetahuan, Sikap dan Pelaksanaan dalam PdPc Guru Pelatih FSK sebelum Menjalani Latihan Mengajar.

Analisis statistik inferensi digunakan dalam kajian ini untuk menjawab persoalan kajian iaitu sejauhmana wujudnya keterhubungan antara pemboleh ubah perancangan, pengetahuan, sikap dan pelaksanaan dalam PdPc GP FSK sebelum menjalani latihan mengajar?" Analisis korelasi Pearson digunakan dalam kajian ini. Jadual 4 menunjukkan pengelasan kekuatan hubungan korelasi analisis kajian. Nilai  $r$  menunjukkan korelasi manakala  $p$  menunjukkan signifikan. Dimana sekiranya nilai 0.10 hingga 0.29 menunjukkan interpretasi hubungan yang lemah, 0.30 hingga 0.49 menunjukkan interpretasi yang sederhana dan 0.50 hingga 1.00 menunjukkan interpretasi yang kuat (Pallant., 2020). Dapatan kajian menunjukkan hubungan antara pemboleh ubah perancangan dengan pemboleh ubah pelaksanaan iaitu hubungan yang sederhana ( $r = 0.306$ ). Nilai signifikan pemboleh ubah perancangan dengan pemboleh ubah pelaksanaan menunjukkan nilai signifikan yang sangat lemah iaitu  $p = 0.000$  adalah lebih kecil daripada 0.01. Hipotesis  $H_{0(1)}$  tidak terdapat hubungan yang signifikan antara perancangan dengan pelaksanaan dalam PdPc guru pelatih sebelum menjalani latihan mengajar menunjukkan hipotesis ini ditolak. Hal yang demikian, semakin tinggi perancangan semakin tinggi pelaksanaan dalam PdPc dalam kalangan guru pelatih sebelum menjalani latihan mengajar.

Seterusnya, analisis korelasi yang sederhana antara pemboleh ubah pengetahuan (pedagogi dan isi kandungan) dengan pemboleh ubah pelaksanaan dengan  $r = 0.437$ . Bagi nilai signifikan pemboleh ubah ini menunjukkan sangat lemah di mana  $p = 0.000$  adalah lebih keil daripada 0.01. Menurut analisis korelasi Pearson ini, hipotesis  $H_{0(2)}$  dan  $H_{0(3)}$  tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan (pedagogi dan isi kandungan) dengan pelaksanaan dalam PdPc dalam kalangan guru pelatih sebelum menjalani latihan mengajar ditolak. Hal ini menunjukkan semakin tinggi pengetahuan (pedagogi dan isi kandungan) semakin tinggi pelaksanaan guru pelatih sebelum menjalani latihan mengajar.

Selain daripada itu, dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang sederhana antara pemboleh ubah sikap dengan pelaksanaan bersamaan nilai  $r = 0.336$ . Nilai signifikan bagi pemboleh

ubah sikap dengan pelaksanaan dalam PdPc guru pelatih FSK sebelum menjalani latihan mengajar iaitu mana  $p = 0.000$  adalah lebih kecil daripada 0.01. Hipotesis  $H_{0(4)}$  tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah sikap dengan pemboleh ubah pelaksanaan dalam PdPc guru pelatih sebelum menjalani latihan mengajar ditolak. Hal ini demikian menunjukkan bahawa semakin tinggi sikap semakin tinggi pelaksanaan dalam PdPc guru pelatih sebelum menjalani latihan mengajar. Dapatan ini selaras dengan dapatan kajian oleh Hastuti et al., (2022) yang menyatakan bahawa guru pelatih perlu mempunyai keyakinan diri yang tinggi dalam menjalani latihan mengajar.

**Jadual 4** Hubungan antara perancangan, sikap, pengetahuan dan pelaksanaan dalam pdpc guru pelatih fsk sebelum menjalani latihan mengajar

| Pemboleh Ubah | Pengetahuan |       | Sikap   |       | Pelaksanaan |       |
|---------------|-------------|-------|---------|-------|-------------|-------|
|               | r           | p     | r       | p     | r           | p     |
| Perancangan   | 0.592**     | 0.000 | 0.551** | 0.000 | 0.306**     | 0.000 |
| Pengetahuan   |             |       | 0.908** | 0.000 | 0.437**     | 0.000 |
| Sikap         |             |       |         |       | 0.336**     | 0.000 |

### Analisis Pengaruh antara Perancangan, Pengetahuan, Sikap dan Pelaksanaan dalam PdPc Guru Pelatih FSK sebelum Menjalani Latihan Mengajar

Analisis regresi digunakan bagi melihat pengaruh pemboleh ubah perancangan, pengetahuan (pedagogi dan isi kandungan), sikap dan pelaksanaan dalam PdPc GP FSK sebelum menjalani latihan mengajar. Hasil analisis ini akan menunjukkan wujud atau tidak pengaruh antara pemboleh ubah bebas iaitu perancangan, pengetahuan (pedagogi dan isi kandungan) dan sikap terhadap pemboleh ubah bersandar iaitu pelaksanaan dalam PdPc GP FSK sebelum menjalani latihan mengajar. Hipotesis kajian yang dibina ialah berdasarkan persoalan kajian ketiga iaitu “Sejauhmanakah pengaruh antara perancangan terhadap pelaksanaan dalam PdPc GP FSK sebelum menjalani latihan mengajar?”. Ujian ini juga digunakan untuk menguji hipotesis berikut;  $H_0$  (5): Tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara perancangan terhadap pelaksanaan dalam PdPc GP FSK sebelum menjalani latihan mengajar.

Hasil regresi menunjukkan terdapat pengaruh antara perancangan terhadap pelaksanaan dalam PdPcGP FSK sebelum menjalani latihan mengajar iaitu sebanyak 46 peratus. Hal ini menunjukkan bahawa setiap unit pertambahan nilai pada perancangan GP akan mempengaruhi pertambahan nilai pelaksanaan dalam PdPc GP FSK sebelum menjalani latihan mengajar iaitu 0.131unit dan nilai beta tidak terpiawai menunjukkan  $B=0.191$ . Didapati nilai pemboleh ubah perancangan mempunyai pengaruh yang signifikan iaitu sebanyak 0.043. Andaian hipotesis  $H_{0(5)}$  tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara perancangan GP terhadap pelaksanaan dalam PdPc GP FSK sebelum menjalani latihan mengajar adalah ditolak. Hal ini menunjukkan bahawa perancangan guru pelatih mempunyai pengaruh terhadap pelaksanaan dalam PdPc GP FSK sebelum menjalani latihan mengajar.

Seterusnya, analisis regresi digunakan untuk melihat pengaruh antara pemboleh ubah bebas iaitu pengetahuan pedagogi GP terhadap pemboleh ubah bersandar iaitu pelaksanaan dalam PdPc GP FSK sebelum menjalani latihan mengajar. Analisis ini digunakan untuk menguji hipotesis  $H_0$  (6) yang dibina berdasarkan persoalan kajian kedua iaitu “Sejauhmanakah pengetahuan pedagogi guru pelatih terhadap pelaksanaan PdPc GP FSK sebelum menjalani latihan mengajar?”. Hipotesis  $H_0$  (6) yang diuji menunjukkan tidak terdapat pengaruh yang signifikan pengetahuan pedagogi guru pelatih terhadap pelaksanaan dalam PdPc GP FSK sebelum menjalani latihan mengajar. Hasil analisis regresi pengetahuan pedagogi GP terhadap pelaksanaan dalam PdPc GP FSK sebelum menjalani latihan mengajar menunjukkan pengaruh dengan 1.60 peratus dengan menyatakan beta tidak piawai adalah sebanyak -0.077 manakala nilai beta piawai adalah sebanyak -0.078. Nilai signifikan adalah 0.366 tidak menunjukkan sebarang pengaruh. Hipotesis  $H_0$  (6) yang diuji adalah seperti berikut: Tidak terdapat pengaruh yang signifikan pengetahuan pedagogi GP terhadap pelaksanaan dalam PdPc guru pelatih sebelum menjalani latihan mengajar. Oleh itu, melalui analisis regresi ini, hipotesis  $H_0$  (6) tidak terdapat pengaruh yang signifikan pengetahuan pedagogi GP terhadap pelaksanaan dalam PdPc GP sebelum menjalani latihan mengajar ditolak. Hal ini menunjukkan bahawa pengetahuan pedagogi mempunyai

pengaruh terhadap pelaksanaan dalam PdPc GP FSK sebelum menjalani latihan mengajar.

Hasil analisis regresi pengetahuan isi kandungan guru pelatih terhadap pelaksanaan dalam PdPc GP FSK sebelum menjalani latihan mengajar menunjukkan tiada sumbangan dengan menyatakan beta tidak terpiawai sebanyak 0.108 manakala beta terpiawai sebanyak 0.115. Nilai signifikan adalah 0.147 tidak menunjukkan sebarang pengaruh. Hipotesis  $H_{0(7)}$  yang diuji adalah seperti berikut: Tidak terdapat pengaruh yang signifikan pengetahuan isi kandungan terhadap pelaksanaan dalam PdPc GP FSK sebelum menjalani latihan mengajar. Oleh itu, melalui analisis regresi ini, hipotesis  $H_{0(7)}$  adalah diterima kerana pengaruh pengetahuan isi kandungan terhadap pelaksanaan dalam PdPc GP FSK sebelum menjalani latihan mengajar menunjukkan tiada sumbangan.

Analisis regresi digunakan untuk menguji hipotesis  $H_{0(8)}$  yang turut dibentuk berdasarkan persoalan kajian ketiga iaitu “Sejauhmanakah pengaruh sikap GP terhadap pelaksanaan dalam PdPc guru pelatih FSK sebelum menjalani latihan mengajar?”. Hipotesis  $H_{0(8)}$  adalah seperti berikut: Tidak terdapat pengaruh yang signifikan sikap guru pelatih terhadap pelaksanaan dalam PdPc guru pelatih FSK sebelum menjalani latihan mengajar. Hasil analisis regresi menunjukkan terdapat pengaruh sikap GP terhadap pelaksanaan dalam PdPc GPFSK sebelum menjalani latihan mengajar sebanyak 45 peratus. Hal ini menunjukkan bahawa setiap unit pertambahan nilai pada sikap guru pelatih akan mempengaruhi pertambahan nilai beta tidak terpiawai iaitu 0.625 unit dan nilai beta terpiawai  $B=0.530$ . Didapati nilai pemboleh ubah sikap GP mempunyai pengaruh yang signifikan iaitu 0.000. Menurut Hipotesis  $H_{0(8)}$  tidak terdapat pengaruh yang signifikan sikap GP terhadap pelaksanaan dalam PdPc GP FSK sebelum menjalani latihan mengajar adalah ditolak. Hal ini menunjukkan bahawa sikap GP mempunyai pengaruh terhadap pelaksanaan dalam PdPc GP FSK sebelum menjalani latihan mengajar. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian oleh Nur Hidayah et al (2021) iaitu sikap GP dalam aspek mental dan fizikal mestilah positif. Hal ini kerana semua GP perlu bersedia dari aspek fizikal dan mental sebelum menjalani latihan mengajar.

**Jadual 5** Pengaruh perancangan, pengetahuan, sikap dan pelaksanaan dalam pdpd guru pelatih fsk sebelum latihan mengajar

| Pemboleh ubah Bebas       | Pemboleh ubah bersandar (Pelaksanaan) |         |        |       | Sumbangan (%) |
|---------------------------|---------------------------------------|---------|--------|-------|---------------|
|                           | B                                     | $\beta$ | t      | p     |               |
| Pemalar                   | 0.796                                 |         | 2.267  | 0.024 |               |
| Perancangan               | 0.191                                 | 0.131   | 2.032  | 0.043 | 46.00         |
| Pengetahuan pedagogi      | -0.078                                | -0.077  | -0.906 | 0.366 | Tiada         |
| Pengetahuan isi kandungan | 0.115                                 | 0.108   | 1.455  | 0.147 | sumbangan     |
| Sikap                     | 0.530                                 | 0.625   | 10.230 | 0.000 | 45.00         |
| <hr/>                     |                                       |         |        |       |               |
| R = 0.683                 | F = 88.740                            |         |        |       |               |
| R <sup>2</sup> = 0.466    | Sig F = .000                          |         |        |       |               |

\*signifikan pada  $p < 0.05$

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kesediaan guru pelatih untuk menjalani latihan mengajar adalah amat baik berdasarkan analisis yang telah dilaksanakan. Pendedahan secara langsung dalam kursus-kursus yang melibatkan amalan pengajaran secara mikro dan makro amat membantu guru pelatih. Di peringkat universiti yang menawarkan bidang pendidikan, guru pelatih telah diberikan pendedahan langsung terhadap situasi sebenar iklim sekolah menerusi Program Perantis Guru. Program ini berfungsi bagi membantu guru pelatih untuk lebih bersedia. Selain itu menerusi Program Latihan Mengajar guru pelatih mempunyai ruang dan peluang untuk mengaplikasikan ilmu pedagogi yang telah dipelajari di dalam bilik kuliah. Dokumen Standard Sekolah Menengah akan dijadikan kitab utama dalam merangka objektif pembelajaran. Selain itu, guru pelatih dapat menentukan pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran yang sesuai dengan objektif pengajaran serta dapat membantu guru pelatih memilih bahan dan sumber aktiviti yang sesuai. Guru juga dapat memastikan semua objektif kandungan

pengajaran dan pembelajaran dapat disampaikan kepada pelajar dengan baik. Di samping itu, persediaan mengajar dapat memastikan guru pelatih agar tidak mengabaikan langkah dan persediaan dalam proses PdPc. Menerusi persediaan mengajar, guru pelatih akan memikirkan dengan terang matlamat dan objektif, pemilihan isi penting, pemilihan dan susun cara mengajar, perancangan aktiviti dan persediaan penilaian. Ketetapan kursus pendidikan di universiti yang merupakan kursus wajib merupakan satu pencerahan kepada bakal-bakal guru tentang budaya dan persekitaran sekolah yang sebenar. Aspek pentadbiran, pedagogi dan hal ehwal murid perlu dikuasai agar guru pelatih tidak “panic” dengan persekitaran tersebut. Guru pelatih perlu memupuk sikap yang positif dan minat yang mendalam terhadap amalan pendidikan yang sebenar khususnya menerusi latihan mengajar. Pemikiran sebegini akan memudahkan guru pelatih dalam melakukan aktiviti semasa menjalani latihan mengajar. Justeru, guru pelatih perlu tahu dan sedar akan kepentingan latihan mengajar bagi membentuk pemikiran positif dalam kalangan mereka. Selain itu, guru pelatih perlu dimotivasikan supaya dengan mempunyai motivasi yang tinggi, guru pelatih lebih bersemangat dan mempunyai persepsi yang positif terhadap latihan mengajar, seterusnya, membolehkan guru pelatih menjadi pendidik yang berwibawa kelak.

## PENGHARGAAN

Penulis merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam kajian ini secara langsung mahupun tidak langsung.

**Konflik Kepentingan:** Tiada konflik kepentingan dalam kajian ini.

## RUJUKAN

- Ab Halim, F., Ali, A. A., & Wan Muda, W. H. N. (2021). Hubungan antara motivasi dan persepsi terhadap latihan mengajar oleh guru pelatih. *Sains Insani*, 6(2), 201-205. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol6no2.316>
- Ahmad, S. M. N & Mahitoh, H. (2021). Tahap kesediaan guru pelatih terhadap pelaksanaan pemikiran komputasional. *Journal of ICT in Education (JICTIE)*, 2, 21-103.
- Amirul Fahmie, A.R., Muhamad Faizal, A. G., & Norfariza, M.R. (2024). Amalan kepimpinan guru pelatih Institut Pendidikan Guru Malaysia di zon tengah. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*, 11 (2), 35-51.
- Ardiyansah, T. Y. (2021). Pre-service teachers' perceived readiness in teaching online in international internship program. *Journal of Culture, English Language Teaching, Literature and Linguistics*, 8(1), 90–102. <https://doi.org/10.22219/celtic.v8i1.16456>
- Assadi, N., & Kashkosh, E. (2022). Training teachers' perspectives on teacher training and distance learning during the Covid-19 pandemic. *Journal of Educational and Social Research*, 12 (4), 40-55. <https://doi.org/10.36941/jesr-2022-0095>
- Azizi, Y., Jamaluddin, R., Yusof, B. & Shahrin, H. (2010). Persepsi pelakuan agresif dan faktor yang mempengaruhi di lima buah sekolah di kawasan bandar Johor Bahru. *Jurnal Teknologi*, 53, 75-94. <https://doi.org/10.11113/sh.v53n1.251>
- Cohen. L., Manion, L. & Marrison, K. (2001). *Research methods in education* (5<sup>th</sup>ed.). Routledge Falmer.
- Coombs, B. (2009). *Mengajar Secara Efektif* (Siti Aishah Mohd Elias, Trans.). Institut Terjemahan Buku Malaysia.
- Derbala, R. & Ruhizan, M. Y. (2022). Tahap pengetahuan, penerimaan, kesediaan dan amalan pengajaran guru pemulihan khas terhadap pengajaran terbeza. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(4), 1-20. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i4.1445>
- Dewi, N. S. (2010). Pengaruh pendidikan kesehatan terhadap perubahan pengetahuan dan sikap dalam pencegahan HIV/AIDS pada pekerja seks komersial. *Journal of Nursing*, 2, 23–24. <https://doi.org/10.14710/nmjn.v2i1.735>
- Gilewski, C. D. (2016). *Preservice teachers beliefs: An examination of how educational experiences shape elementary preservice teachers beliefs about teaching and learning*. The University of Memphis.
- Hanifah, M., Chulin Lom, Yazid, S., Mohmadisa, H., Nasir, N., Soon Sing Bikar (2022). Persediaan guru pelatih geografi dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah semasa latihan mengajar. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space*, 8 (3), 170-184.

- Hanifah, M., Nasir, N. & Mohmadisa, H. (2023). Kebutaraan pengajaran dan pemudahcaraan Geografi di sekolah. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Hanifah, M., Muhammad Azizi, A., Yazid, S., Nasir, N. & Mohamadisa, H. (2022). Penggunaan elemen animasi untuk meningkatkan kefahaman pelajar dalam mata pelajaran Geografi. *EDUCATUM – Journal of Social Science (EJOSS)*, 8 (2),1-13. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol8.2.1.2022>
- Halimah, A. (2004). Kajian Pendekatan berforum dalam program latihan mengajar. UKM. Tesis Sarjana.
- Hassan, A. (2012). *Instrumen penilai pembimbing dalam pelaksanaan pembelajaran berasaskan kerja (pbk) pelajar di industri*. Tesis PhD, Universiti Teknologi Malaysia.
- Hastuti, K. P., Angriani, P., Alviawati, E., & Arisanty, D. (2021). The perspective of geography education students on the implementation of online learning during covid-19 pandemic. *IOPConf. Series: Earth and Environmental Science* 747.
- Hair, J.F., Babin, B., Money, A.H., & Samouel, P. (2003). *Essentials of Business Research Method*. John Wiley & Sons.
- Kamarudin, H., Abdullah Y., Abdul, K. Y., & Rashid I. (2014). *Pedagogi asas pendidikan*. Emeritus Publication.
- Kamarulnizan, S. & Nur, S. A. (2024). Kemahiran penggunaan bahan bantu mengajar guru pelatih Fakulti Pendidikan Universiti Islam Selangor semasa Latihan Mengajar. Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education, 8(1), 26-38. [https://conference.uis.edu.my/pasak3/images/eprosiding1/PASAK3\\_2212.pdf](https://conference.uis.edu.my/pasak3/images/eprosiding1/PASAK3_2212.pdf)
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2015). Buletin ANJAKAN Bil. 4/2015. Diperoleh daripada <http://www.padu.edu.my/>
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, (30), 60–610. Diperoleh daripada <https://doi.org/10.1261/rna.2763111>
- Mariam, A.M. & Zanariah, D. (2015). Peranan motivasi terhadap pembentukan tingkahlaku manusia. *E-Jurnal Pendidikan*, 2 (1), 15-23.
- Meor Ibrahim, K. & Norziana, A. (2010). Tinjauan terhadap tahap penyeliaan guru pembimbing terhadap guru pelatih semasa menjalani latihan mengajar. *Universiti Teknologi Malaysia*, 1-6. <https://eprints.utm.my/10204/> (Tidak diterbitkan).
- Mizell, H. (2010). *Why professional development matters*. Learning Forward. <https://learningforward.org/wp-content/uploads/2017/08/professional-development-matters.pdf>
- Noraini, I. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Mc Graw Hill Education.
- Norziana, A. (2009). Tinjauan terhadap tahap penyeliaan guru pembimbing terhadap guru pelatih semasa menjalani latihan mengajar. Tesis SarjanaMuda (Tidak Diterbitkan), *Universiti Teknologi Malaysia*.
- Nur Hidayah, H., Norfaizah, A.B., Abdul Rasid, J. & Marini, N. (2021)..Persepsi bakal guru terhadap kerjaya, perana dan beban tugas profesion perguruan masa kini. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11 (2), 26-38. <https://journalarticle.ukm.my/17914/1/261-502-1-SM.pdf>
- Nurzarina, A. & Roslinda, R. (2017). Kefahaman guru tentang kemahiran abad Ke-2. Diperoleh daripada <http://conference.kuis.edu.my/pasak2017/images/prosiding/pendidikan/09-Nurzarina-Amran-UKM.pdf>
- Nurwaina, R. & Roslina. (2025). Pelaksanaan kapasiti pedagogi pembelajaran bermakna (KPPB): Hubungan antara pengetahuan dan kefahaman guru-guru pelatih di Institut Pendidikan Guru Kampus Perempuan Melayu Melaka. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (57), 903-917.
- Pallant, J. (2020). *A step-by-step guide to data analysis using IBM SPSS*. New York: Routledge.
- Rianti, E., & Mustika, D. (2023). Peranan guru dalam pembinaan karakter disiplin peserta didik. *Murhum : Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, 4(2), 360–373. <https://doi.org/10.37985/murhum.v4i2.325>
- Ronen, I. K. (2022). The experience of teaching: Beyond teaching skills the case of the academyclass practice model. *Studies in Educational Evaluation*, 72, 101-115
- Rowen, T. M., Nor, S. A. K., Nur, H. A., Rawdah, A. T., Noor, W. M. J. & Vicky, Z. K. (2021). Tahap kesediaan guru pelatih Matematik UPSI dalam melaksanakan PAK-21. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 14, 82-91. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol14.sp.9.2021>
- Supramani, S. (2006). Penyoalan guru: Pemangkin pemikiran aras tinggi murid. *Jurnal Pendidikan*, 26: 225-246.
- Salamuddin, L. H. & N. (2000). Orientasi Akademik: Pendekatan alternatif dalam program pendidikan GLKU Siswazah di Malaysia. *Journal Akademik*, 47–64.
- Sapie, S., Mohamad Fuad, I., Suhana, M. L., Shazarina, Z. A., & Haslina, H. (2021). Keberkesanan program latihan guru terhadap prestasi kerja melalui tingkahlaku pengajaran berasaskan IHES. *5th International Seminar on Tarbiyah (ISoT 2021)*
- Siska, M., & Henriadi, H. (2018). Perancangan fasilitas pabrik tahu untuk meminimalisasi material handling. *Jurnal Teknik Industri*, 13 (2), 133-141. 10.22219/JTIUMM.Vol13.No2.133-141
- Suah, S. L., Ong, S. L., dan Osman, S. (2010). Pentaksiran pembelajaran pelajar: amalan guru-guru di Malaysia. *Malaysian Education Dean's Council Journal*, 5, 68-83.

- Syafiq, I. M., Nallaluthan, K., Premila, S., Mazlan, Z., Kolandan, S., Balamurugan. & Nivathi, B. Hubungan antara kesediaan mengajar dengan pengaplikasian pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan guru pelatih di Universiti Pendidikan Sultan Idris. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 17(2), 91-102. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.2.8.2024>
- Triwijayati, A., & Koesworo, Y. (2006). Studi sikap dan niat konsumsi jamu pahitan di Surabaya. *Jurnal Widya Manajemen & Akuntansi*, 6, 33–35.
- Yazid, Z. (2005). *Pengetahuan pedagogikal kandungan guru Matematik Tambahan berpengalaman: Satu kajian kes*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Tesis Doktor Falsafah.
- Yee et al, (2010). Penjanaan idea berdasarkan kemahiran berfikir aras tinggi bagi mata pelajaran Pendidikan Kejuruteraan. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Pendidikan Kejuruteraan dan Keusahawanan 2010*. Kelantan: Universiti Kelantan Malaysia.